

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI YAMANI HAFEZ BIN MUSA  
[SIPITANG]**

**SOALAN**

**TUAN HAJI YAMANI HAFEZ BIN MUSA [ SIPITANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak hasil cukai pelancongan dikutip Kerajaan Pusat bagi tahu 2019-2020 dan bagaimana jumlah agihan yang diberi kepada Sabah dan Sarawak sepanjang tempoh tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkuatkuasa mulai 1 September 2017 cukai pelancongan dikenakan ke atas pelancong yang menginap di premis penginapan yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 pada kadar rata RM10/bilik/malam. Pelancong warganegara Malaysia dan pemastautin tetap Malaysia dikecualikan daripada dikenakan cukai pelancongan.

2. Jumlah cukai pelancongan yang telah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM216 juta. Sejumlah 50% daripada hasil kutipan cukai berkenaan disalurkan kepada Kerajaan Negeri mengikut jumlah cukai pelancongan yang dikutip di setiap negeri. Agihan tersebut bagi tahun 2019 telahpun disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua Kerajaan Negeri yang terlibat, di mana Negeri Sabah telah menerima RM12.66 juta, manakala Negeri Sarawak telah menerima RM2.67 juta.

3. Bagi tahun 2020, cukai pelancongan telah dikutip bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2020 sahaja yang berjumlah RM68.15 juta. Mulai 1 Julai 2020 sehingga 30 Jun 2021, cukai pelancongan dikecualikan sepenuhnya sepertimana yang telah diumumkan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebagai salah satu langkah untuk mengaktifkan semula kegiatan industri pelancongan yang terjejas dengan pandemik Covid-19. Penyaluran 50% hasil kutipan cukai pelancongan bagi tahun 2020 akan dibuat kepada semua Kerajaan Negeri yang terlibat selepas genap hasil kutipan bagi keseluruhan tahun 2020.

Sekian, terima kasih.